

10 NOV 1999

Pilihan raya-PBS

PAIRIN BERHARAP PILIHAN RAYA KE-10 PALING BERSIH

KOTA KINABALU, 10 Nov (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata setiap orang mesti memastikan pilihan raya yang ke-10 ini adalah yang paling bersih.

Pairin berkata beliau bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pilihan raya yang aman adalah penting bagi negara ini.

"Itu memang kita setuju...itu yang kita inginkan kerana pilihan raya harus diadakan dengan tenang dan selamat supaya tidak ada gangguan dalam menentukan siapa yang perlu diundi," katanya dalam sidang berita di sini.

Pairin berkata kerajaan juga mesti tidak lupa beberapa kejadian di Sabah, seperti wujudnya pengundi "hantu", bagi memastikan sistem pilihan raya negara dijalankan secara demokrasi.

"Kita telah lihat kejadian tidak demokrasi di Sabah...kita berharap pilihan raya yang "kotor" tidak akan terjadi kerana ia akan menjejaskan nama Malaysia," katanya.

Pairin berkata PBS akan cuba memastikan ia menyumbang kepada pilihan raya yang bersih.

"Tidak ada sebab pembangkang nak melihat pilihan raya ini tidak selamat dan mahukan ada rusuhan," katanya.

Ditanya tentang persediaan PBS untuk pilihan raya dan cadangan "persefahaman pilihan raya" dengan parti pembangkang lain beliau berkata setakat ini perkara itu belum lagi dibincangkan bersama.

"Tetapi, apa yang kita maksudkan, bagaimana menghadapi pilihan raya dari sudut pandangan pembangkang dan matlamat bersama menentang Barisan Nasional (BN)", katanya.

PBS sebelum ini menunjukkan akan mengadakan "persefahaman" dengan parti pembangkang lain, bagi mengelakkan perpecahan undi.

Di bawah cadangan persefahaman itu, PBS akan mengetuai pakatan dengan bertanding 15 atau 16 kerusi, daripada sejumlah 20 kerusi Parlimen di Sabah, dan ia juga akan bertanding di Labuan.

Ditanya peluang parti itu, Pairin berkata: "Kami berharap rakyat akan mengundi kesemua calon kami."

Berkaitan kemungkinan cadangan persefahaman itu akan mengalami masalah, terutamanya pengagihan kerusi, beliau berkata PBS terbuka kepada pandangan parti lain.

"Apa yang kita sebut mengenai jumlah kerusi, kita harap (parti) yang lain akan faham kerana PBS yang boleh dikatakan paling banyak mendapat sokongan di negeri ini. Saya harap pendekatan yang akan digunakan nanti, akan diterima dengan baik," katanya.

Memandangkan tiada pakatan rasmi parti-parti pembangkang di Sabah, Pairin berkata PBS akan mempunyai manifesto sendiri, bagaimanapun parti itu akan menyokong apa sahaja yang baik untuk Sabah.

Ditanya sama ada beliau akan mempertahankan kerusi Keningau, Pairin berkata, terdapat petunjuk penyokongnya masih mahukan beliau di kawasan itu.

"Saya rasa saya akan memberikan diri saya peluang," katanya.

-- BERNAMA

JS RI